

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	23 JULY 2016

## Dakwaan Tun Mahathir ada asas

Sinar Harian - 23/7/2016

SHAH ALAM – Dakwaan bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tentang kewujudan salah laku serta rasuah dalam syarikat pelaburan negara, 1MDB sebelum ini berasas.

Setiausaha Biro Integriti, Anti-Rasuah dan Salah Guna Kuasa Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Dr Muhammad Faiz Na'aman berkata, kenyataan Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat mengenai permohonan rampasan sivil bagi mendapatkan semula lebih AS\$1 bilion adalah bukti jelas berlaku penyelewengan pengurusan dana syarikat tersebut.

Katanya, dakwaan secara terbuka itu telah mencemarkan reputasi Malaysia lebih-lebih lagi jika tiada sebarang usaha serius diambil bagi membuktikan semua dakwaan tersebut adalah fitnah.

“Kami juga mendesak supaya diwujudkan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) bagi menyiasat skandal 1MDB ini dari pelbagai sudut dengan lebih adil, terbuka dan bebas. Kami juga mahu agar laporan audit terhadap 1MDB tidak diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) supaya rakyat negara ini mengetahui kebenarannya,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.